



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
(MALAYSIAN PALM OIL BOARD)**

NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berpengalaman dan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** bagi perkara berikut :-

NO. & TAJUK SEBUT HARGA	TARIKH, MASA & TEMPAT PENGAMBILAN DOKUMEN	SYARAT PENDAFTARAN	PEGAWAI UNTUK DI HUBUNGI
<p>MPOB(SH/PDAS/ NUTRITION)BIL.21/2024</p> <p>Cadangan Perkhidmatan Penyelenggaraan Pencegahan Berjadual (PPM) Bagi <i>Mesin Acea Novocyte Flowcytometer</i>, Unit Pemakanan, Ibu Pejabat MPOB, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor</p>	<p>Tarikh Pengambilan Dokumen Sebut Harga:</p> <p>Bermula 19 Disember 2024 (Khamis) hingga 30 Disember 2024 (Isnin)</p> <p>Masa: (9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari (Isnin–Jumaat) Atau 2.00 petang hingga 4.00 petang (Isnin–Khamis) 2.45 petang hingga 4.00 petang (Jumaat)</p> <p>Tempat:</p> <p>Kaunter Kewangan Aras 1, Bangunan Pentadbiran, Ibu Pejabat MPOB No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor.</p>	<p>Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Kod Bidang :</p> <p>220601 (Perkhidmatan Penyelenggaraan/ Pembaikan Alat Kelengkapan Perubatan/Makmal)</p> <p>atau</p> <p>220602 (Perkhidmatan Penyelenggaraan/ Pembaikan Mesin dan Peralatan Makmal)</p> <p>dan</p> <p>Sijil Pematuhan Cukai (<i>Tax Compliance Certificate</i>)</p> <p>dan</p> <p>Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera (wajib)</p>	<p>1. Mengenai dokumentasi kewangan</p> <p>Pegawai Bertanggungjawab :</p> <p>Pn. Rozana bt. Khairul Anuar (03-8769 4222)</p> <p>2. Mengenai Spesifikasi/Skop Teknikal</p> <p>Pegawai Bertanggungjawab :</p> <p>Dr. Sitti Rahma Abdul Hafid (03-87694566 / 019-2264095)</p>

- Dokumen sebut harga** diberi secara percuma kepada syarikat-syarikat yang berminat menyertai dan berkelayakan mulai **19 Disember 2024 (Khamis) hingga 30 Disember 2024 (Isnin)** pada hari bekerja dan waktu pejabat dari jam 9.00 pagi hingga jam 12.00 tengah hari atau dari 2.00 petang hingga 4.00 petang di alamat seperti jadual di atas.
- Hanya penama dalam Sijil Pendaftaran MOF/SSM sahaja yang boleh menandatangani dokumen sebut harga, manakala untuk mengambil dokumen sebut harga, wakil sah syarikat dengan **Surat Perwakilan Kuasa** adalah dibenarkan. Sesalinan sijil pendaftaran di atas hendaklah dikemukakan kepada MPOB (tidak dikembalikan) sebagai bukti kelayakan. **Sila bawa cap syarikat semasa berurusan dengan MPOB.**
- Penyebut harga/Syarikat wajib berdaftar sebagai pembekal/kontraktor MPOB yang sah sebelum menyertai perolehan MPOB. Pendaftaran yang lengkap termasuk pembayaran pendaftaran hendaklah dijelaskan **SEBELUM** penyebut harga mengembalikan dokumen sebut harga pada tarikh tutup sebut harga yang ditetapkan. Untuk maklumat lanjut, sila majukan pertanyaan kepada perolehan@mpob.gov.my atau hubungi di talian 03-87694543 (Puan Shahera) / 03-87693948 (Puan Nur Farahanis) / 03-87694267 (Puan Siti Khadijah).
- Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dan dimeteri serta ditulis nombor dan tajuk sebut harga di sudut atas sebelah kiri sampul. Dokumen sebut harga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada atau sebelum tarikh dan masa tutup sebut harga di alamat: **Kaunter Kewangan Aras 1, Bangunan Pentadbiran, Ibu Pejabat MPOB, No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor.**
- Tarikh dan masa tutup sebut harga adalah **pada 31 Disember 2024 (Selasa) pukul 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang **lewat** diterima dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.